

# Asia perlu sedia kemudahan pupuk kreativiti belia: Dr M

BH - 7 SEP 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ramai penyelidik terkemuka di universiti dan makmal penyelidikan utama di Barat adalah rakyat Asia, yang berhijrah berikutan peluang dan kemudahan yang disediakan di negara berkenaan.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan penyelidik terbabit meninggalkan tanah air untuk melanjutkan pengajian dan memuktamadkan untuk menetap di negara berkenaan.

Keadaan itu, katanya, menguntungkan negara Barat manakala negara Asia, kerugian melainkan jika usaha diambil untuk menyediakan persekitaran yang dapat mengekalkan bijak pandai tempatan di dalam negara.

“Setiap negara Asia khususnya perlu menyediakan suasana yang dapat memupuk dan meningkatkan kreativiti dan produktiviti di kalangan generasi muda.

“Di samping itu, kita juga harus menyediakan peluang yang dapat menarik minat penyelidik tempatan bertaraf dunia untuk kembali berkhidmat di tanah air masing-masing,” katanya sambil menambah langkah itu penting bagi membolehkan negara Asia

menghadapi cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapannya pada majlis penyampaian anugerah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Asia Pasifik (Apicta) di sini malam ini. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok.

Malaysia memenangi tiga daripada 13 kategori yang dipertandingkan iaitu Aplikasi Industri (Syarikat Globe Pronics Multimedia Technology Sdn Bhd), Pelancongan (Asia Travelmart Sdn Bhd) dan Projek Pelajar Sekolah Rendah dan Menengah (Lee Teck Hua dari Victoria Institution).

Dr Mahathir berkata, negara Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi (OECD) seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman dapat bergerak pesat dalam era k-ekonomi berikutan keupayaannya mencipta dan menghasilkan idea baru secara berterusan, di samping komitmen tinggi negara terbabit dalam kegiatan penyelidikan.

Beliau berkata, kejayaan negara Barat itu antara lain disebabkan saintisnya yang ramai.

“Finland umpamanya mempunyai nisbah 100 penyelidik bagi setiap 10,000 penduduknya manakala negara paling maju di Asia Tenggara pun hanya mempunyai antara 30 dan 50 penyelidik bagi setiap 10,000 penduduk,” katanya.

Berikutan itu, beliau berkata negara Asia perlu mewujudkan forum intelek seperti negara Barat, yang menekankan kepada penyelidikan intelek terkini dan penemuan intelek yang signifikan kepada masyarakat dan ekonomi negara serantau.

Pada masa ini, katanya, kebanyakan penyelidikan di negara Asia bersifat terlalu akademik dan sering tidak berpotensi untuk dikomersialkan.

“Forum ini, yang mungkin merangkumi negara maju di Asia seperti Jepun dan Korea Selatan akan memastikan kerjasama berterusan antara penyelidik di rantau ini,” katanya.

Beliau berkata, menerusi budaya berkongsi pengetahuan, negara Asia perlu bekerjasama bagi melindungi hak cipta intelek dan menyelaraskan undang-undang siber setiap negara untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi.

Selain itu, katanya, setiap negara terbabit perlu

berusaha untuk menggalakkan usaha sama antara pusat penyelidikan.

“Kebanyakan pertubuhan di Asia ketika ini tidak memberi sokongan sewajarnya untuk menggalakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D), malah mengehadkan budaya kreatif dalam lingkungan syarikat masing-masing.

“Jika pun ada penemuan yang sesuai untuk dimanfaatkan syarikat lain, ia tidak dikongsi kerana takut hilang kelebihan daya saing atau kerana tidak bersedia untuk menghadapi risiko jika bekerjasama,” katanya.

Perdana Menteri menjejaskan Malaysia berusaha mengubah keadaan itu dan menyediakan rakyat memasuki era k-ekonomi menerusi projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau berkata, syarikat tempatan kini sudah mula menceburi bidang R&D dalam sektor ICT dan membelanjakan kira-kira 9.9 peratus daripada perbelanjaan syarikat, tahun lalu untuk R&D.

“Ini perkembangan yang amat menggalakkan. Malah, sebahagian syarikat tempatan ini sudah memasarkan produk dan perkhidmatan mereka ke luar negara,” katanya.